

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CEDI
Sent: Wednesday, October 31, 2018 1:08 PM
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - All Students
Subject: EKSPLO KEUSAHAWANAN PELAJAR DAN PKS PENTAS UNTUK USAHAWAN SISWA UUM BERSEMPENA BULAN KEUSAHAWANAN SISWA 2018

Follow Up Flag: Follow up
Flag Status: Completed



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**

CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE

Universiti Utara Malaysia

31 OKTOBER 2018 / 22 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام على من رزقنا الله دينه

Y.Bhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

EKSPLO KEUSAHAWANAN PELAJAR DAN PKS PENTAS UNTUK USAHAWAN SISWA UUM BERSEMPENA BULAN KEUSAHAWANAN SISWA 2018



CEDI ONLINE: Bagi menyediakan landasan dan platform yang betul kepada usahawan mahasiswa UUM untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan perniagaan mereka kepada masyarakat, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah

menganjurkan Ekspo Keusahawanan Pelajar dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sempena Bulan Keusahawanan Siswa 2018.

Program *Ekspo Keusahawanan Pelajar dan PKS* merupakan anjuran CEDI dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai pentas bagi mahasiswa didedahkan dengan dunia keusahawanan komersil. Ia berlangsung selama tiga (3) hari, 26 hingga 28 Oktober 2018 bermula dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 malam.

Sebanyak 18 perniagaan usahawan siswa, 5 perniagaan usahawan PKS, dan 8 usahawan dibawah *Public-Private Resarch Network* (PPRN) telah menyertai ekspo pada kali ini. Selain daripada itu, 7 pengusaha *food truck* dan 2 unit truck *Scarf Machine* Adijuma turut memeriahkan tapak ekspo tersebut.

Pelbagai aktiviti diadakan antaranya *Dota Game 2*, Bicara Interaktif, *Aerodance*, Malam Kerohanian bersama Pencetus Ummah Amin, *Batik Pelikat Run*, *Empowerment Women Talk*, *2 Minute to Fame* dan lain-lain.

Perasmian penutup Ekspo Keusahawanan Pelajar dan PKS telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Utara Malaysia. Turut disampaikan adalah hadiah bagi Pertandingan *2 Minute to Fame* dan Pertandingan *Dota Game*. Bagi Anugerah Gerai Jualan Terbaik telah dimenangi oleh usahawan pelajar iaitu *Batikstyle.com*. Malam tersebut turut diserikan dengan persembahan oleh pelajar UUM.

Hadir sama dalam program ini, Prof. Madya Dr. Abd. Rahim Jaguli, Menjalankan Tugas Pengarah Eksekutif CEDI, Dr. Massudi Mahmuddin, Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni CAS, dan Pengetua-Pengetua Inapan Siswa.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

Smatb2018



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.